

24 JUL 1999

Mahathir-Teliti

DR MAHATHIR MINTA RAKYAT TELITI TUDUHAN PARTI LAWAN TERHADAP KERAJAAN

KUALA LUMPUR, 24 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta rakyat memeriksa dengan teliti segala tuduhan yang dilemparkan oleh parti lawan terhadap kerajaan seperti dakwaan kononnya Barisan Nasional adalah pemerintahan kuku besi yang tidak memberi kebebasan kepada parti lawan.

"Kita tidak menyuruh rakyat percaya secara membuta tuli semua yang didakwa oleh kerajaan. Periksalah dengan teliti dulu, tetapi periksa dengan ketelitian yang sama juga segala tuduhan yang dilemparkan oleh parti lawan terhadap kerajaan.

"Apakah benar kerajaan BN tidak prihatin terhadap nasib rakyat?; Apakah kerajaan BN pembazir wang negara, boros dan tidak bertanggungjawab?; dan apakah kerajaan tidak dapat mengatasi serangan ke atas ekonomi negara oleh penyangak mata wang asing?" kata Perdana Menteri ketika berucap merasmikan persidangan perwakilan ke-28 parti Gerakan di sini.

Dr Mahathir berkata parti lawan sama sekali tidak mengambil kira nasib rakyat sehingga sanggup menjanjikan apa yang tidak mungkin mereka buat seperti "Malaysian Malaysia", Negara Islam PAS, pencen untuk semua rakyat, melelong Putrajaya dan bermacam-macam lagi.

"Janji-janji ini sendiri mendedahkan kepercayaan mereka bahawa mereka tidak boleh menang (pilihan raya), tidak akan mendirikan kerajaan yang akan memenuhi janji mereka. Mereka berjanji hanya untuk menambah undi bagi parti mereka dan mungkin menang beberapa kerusi tambahan," katanya.

Sambil mengingatkan rakyat Malaysia bahawa mereka bernasib baik, Dr Mahathir berkata amatlah malang jika mereka membenci kerajaan tanpa sebab dan cuba menjatuhkannya.

Perdana Menteri berkata kerajaan tidak gentar dengan cubaan parti-parti lawan membuat pakatan ala BN tetapi khuatir dengan sokongan jelas orang asing termasuk pemimpin kuasa besar kepada mereka.

Menurutnya, sehingga kini, Malaysia dapat mempertahankan diri daripada manipulasi orang asing dengan ramai juga yang berkata apa yang berlaku di negara lain tidak mungkin berlaku di Malaysia.

"Tetapi kita tidak boleh yakin bahawa ia tidak akan berlaku. Jika rakyat mengambil ringan, ada kemungkinan huru-hara berlaku di negara kita. Rakyat tidak harus percaya amaran yang kita beri hanyalah taktik politik.

"Jika mereka membenarkan diri mereka dipengaruhi parti lawan, malapetaka yang menimpa negara lain akan menimpa negara kita juga," kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir berkata walaupun ramai pengkritik mula menukar pendapat mereka berikutan kejayaan Malaysia memulihkan ekonominya, segolongan orang asing ini masih tidak mahu menerima hakikat bahawa Malaysia mulai pulih malah berjaya mengekalkan keharmonian dan perpaduan masyarakat berbilang kaumnya.

Paling malang sekali, katanya, terdapat segelintir rakyat Malaysia sendiri yang terlalu suka mengikut cara orang asing dan bermentaliti kolonial dengan mempercayai hanya orang luar sahaja berkebolehan dan segala suruhan mereka perlu dituruti.

Mereka juga membuat tuduhan kononnya sistem Kehakiman negara ini tidak bebas dan memburukkannya kepada orang asing.

"Mereka ini tidak mengambil kira hanya mahkamah di Malaysia sahaja pernah menghukum bahawa parti kerajaan tidak sah (pengharaman Umno 1987)," katanya.

Dr Mahathir berkata jika benar kerajaan boleh mengarah hakim-hakin mahkamah, pendakwa raya atau Peguam Negara berbuat apa sahaja, sudah tentu pembesar kerajaan, rakan dan kawan pucuk pimpinan parti tidak akan dihadapkan ke mahkamah atau dihukum.

"Tetapi tindakan terhadap anggota kerajaan dan kawan kepada kepemimpinan negara serupa saja dengan pendakwaan dan hukuman terhadap orang lain. Kita tahu (pernah) apabila pemimpin parti lawan didapati bersalah, hukuman ke atasnya diringankan supaya dia tidak akan kehilangan kerusi Parlimen," katanya.

Menjelas lanjut situasi ekonomi Malaysia, Dr Mahathir berkata ianya kini berada dalam keadaan baik dan akan kembali kepada pertumbuhan seperti sebelum krisis kewangan dan ekonomi bermula dulu.

Katanya pengkritik terpaksa menarik balik kecaman mereka kerana langkah-langkah kawalan modal Malaysia mendapat pengiktirafan.

Dr Mahathir berkata Malaysia telah melawan arus setelah yakin bahawa cara pemulihan anjuran pihak luar hanya akan memburukkan keadaan.

-- BERNAMA

MAM MAI